# KPKT pertimbang skim baucar bantu mahasiswa, belia

BH ONLINE | Rabu, 30 Oktober 2019 | 6:12pm




MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menimbang untuk memperkenalkan skim baucar iaitu pemberian subsidi bagi membantu orang muda memperoleh sewa kediaman pada kadar berpatutan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata dasar ini sedang diteliti pihaknya dan dijangka memberi manfaat bukan saja golongan pekerja muda, malah pelajar di universiti.

"KPKT sedang merancang skim baucar ini, ada subsidi (akan) diperkenalkan. Kini masih dalam perancangan, belum lagi habis," katanya menjawab persoalan berkenaan isu pelajar universiti yang terpaksa menyewa kediaman pada kadar tinggi.

Persoalan itu dibangkitkan Mohd Shahar Abdullah (BN UMNO-Paya Besar) ketika mencelah pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 di Dewan Rakyat, hari ini.

Zuraida berkata, satu mesyuarat membabitkan Menteri Besar juga sudah diadakan bagi membincangkan pengambilalihan tanah yang lebih kecil di kawasan pembangunan berorientasikan transit (TOD) untuk pembinaan projek perumahan yang sesuai untuk golongan muda.

"Ini (ambil tanah) dibangkitkan sendiri Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad) dalam mesyuarat bersama Menteri Besar. Kita akan bina di antara TOD yang ada LRT (Transit Aliran Ringan) yang mana ada tanah sudut untuk kita bina rumah," katanya.